

UCAPAN PERDANA MENTERI SEMASA MELANCARKAN MINGGU MUHIBBAH DAN PERPADUAN DI SEKOLAH-SEKOLAH MELALUI RADIO DAN TALIVISYEN PADA 27^{HB} MAC, 1971

Tuan-tuan dan Puan-puan,

Mulai besuk, 28^{hb} Mac, 1971, beribu-ribu murid sekolah di seluruh negara akan merayakan Minggu Muhibbah dan Perpaduan di sekolah-sekolah.

Minggu Muhibbah dan Perpaduan ialah bertujuan untuk menyedarkan penuntut-penuntut yang berbilang kaum di sekolah-sekolah tentang pentingnya memupuk semangat muhibbah dan perpaduan di antara mereka. Di samping itu, kita juga bertujuan untuk menyebarkan penerangan dan pengajaran tentang Rukunegara dengan seberapa luas yang boleh di kalangan murid-murid dan ibu bapa sekalian.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

Masyarakat kita di Malaysia terdiri dari berbagai kaum, yang mempunyai berbagai corak nilai hidup ekonomi-sosial dan kebudayaan masing-masing. Corak perbezaan di antara kaum-kaum ini merenggangkan perhubungan antara satu kaum dengan yang lain dan merupakan faktor-faktor yang melambatkan usaha-usaha kita untuk membena satu bangsa dan negara yang bersatu padu.

Proses bagi menyatu-padukan kaum-kaum yang ada di negeri ini bagi mencapai perpaduan yang penuh tentulah memakan masa yang panjang. Usaha-usaha yang dijalankan hendaklah mempunyai asas-asas dan prinsip-prinsip yang tertentu, dan sebaiknya hendaklah prinsip-prinsip dan tujuan-tujuan yang boleh diterima oleh semua kaum, menjadikan satu ikatan yang mengukuhkan perpaduan kita.

Tujuan-tujuan dan prinsip-prinsip ini semuanya tergabung dalam Rukunegara. Rukunegara membimbing kita sekalian mencapai cita-cita perpaduan yang erat sebagai rakyat Malaysia yang mempunyai sepenuh kesetiaan kepada bangsa dan negara. Rukunegara juga memberi kita perangsang untuk memelihara

cara hidup yang demokratik di mana kekuasaan muktamad terletak ditangan rakyat, bertindak melalui Perlembagaan dan Parlimen. Rukunegara juga memberi kita dorongan untuk menjalankan segala usaha dan ikhtiar mencipta satu masyarakat di mana kemakmuran negara akan dapat dinikmati bersama secara adil dan saksama di antara kita sekalian.

Amalan Rukunegara pada keseluruhannya memberi kita jaminan mengekalkan tradisi-tradisi kebudayaan yang berbagai corak di mana anggota-anggotanya bebas untuk mengamalkan tradisi ugama, dan adat resam masing-masing. Tujuan kita pada akhirnya ialah membena satu masyarakat yang progresif dan yang bergerak maju selaras dengan kemajuan sains dan teknologi.

Seperti yang pernah saya tegaskan di masa-masa lalu, amalan Rukunegara adalah menjadi tanggungjawab setiap rakyat yang cintakan negara ini. Rahsia kesempurnaan Rukunegara, ialah pada amalannya. Tanpa amalan, Rukunegara akan menjadi secebis surat dokumen yang tidak mempunyai makna.

Oleh yang demikian, adalah mustahak Rukunegara bukan sahaja difahami oleh setiap rakyat, tetapi juga diamalkan dengan sepenuhnya dan segala hikmat-hikmat yang terkandung di sebalik tiap-tiap perkataan dan kalimat Rukunegara itu benar-benar menjadi darah daging kita bersama.

Negara kita adalah negara yang muda. Sebahagian terbesar dari penduduk-penduduk kita terdiri dari belia dan kanak-kanak. Oleh yang demikian, adalah sebaik-baiknya bagi kita menitik-beratkan perkembangan amalan Rukunegara ini di kalangan beribu-ribu murid di bangku-bangku sekolah di seluruh negara.

Cara yang paling baik untuk menyemaikan semangat perpaduan dan muhibbah ialah melalui pelajaran dan pendidikan. Sekolah-sekolah di negara kita ini hendaklah merupakan sebagai ladang-ladang di mana benih perpaduan dan muhibbah di antara kaum mula ditanam. Bagaimanapun, kita sedar bahawa tanggungjawab untuk mengamalkan Rukunegara itu bukan sahaja terletak pada pelajar-pelajar dan murid-murid sekolah. Orang-orang dewasa—ibu-ibu bapa, pemimpin-pemimpin kaum, guru-guru dan seterusnya orang ramai, mempunyai tanggungjawab yang sama untuk memahami dan mengamalkan prinsip-prinsip Rukunegara kita.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

Saya pernah menegaskan dahulu bahawa muhibbah dan perpaduan negara hendaklah menjadi tugas utama kita sekalian. Tugas ini bukanlah kewajipan Kerajaan semata-mata bahkan menjadi kewajipan bersama Kerajaan dan rakyat sekalian. Orang ramai, terutama sekali pemimpin-pemimpin yang berpengaruh, hendaklah memainkan peranan mereka sepenuhnya supaya hasrat Kerajaan untuk mengujudkan perpaduan negara itu segera tercapai.

Ada juga pendapat iaitu usaha-usaha untuk mengujudkan muhibbah dan perpaduan di antara kaum ini hendaklah diasaskan kepada penyelidik-penyelidik saintifik, tetapi ini bukanlah bermakna bahawa kita tidak boleh menjalankan rancangan jangka pendek bagi matlamat tertentu. Rakyat yang berbilang kaum dan keturunan hendaklah sentiasa digalakkan untuk bercampur gaul dan beramah mesra di dalam kegiatan-kegiatan mereka sehari-hari. Dengan ini mereka akan saling memahami dan saling menghormati di antara satu sama lain. Masalah-masalah yang menyentuh keperibadian sesuatu kaum itu hendaklah betul-betul difahami supaya kita dapat menjauhkan dari timbulnya pergaduhan dan pertelingkahan.

Kerajaan telahpun memutuskan menubuhkan satu badan yang dinamakan Majlis Perpaduan Negara. Majlis ini akan memberikan saya kesempatan sebagai Perdana Menteri membincangkan perkara-perkara yang berkaitan dengan perpaduan negara yang saya fikirkan mustahak dirujuk pada Majlis tersebut. Seterusnya Majlis Perpaduan Negara ini akan mempunyai tanggungjawab untuk mengesyurkan kepada Kerajaan langkah-langkah dan rancangan-rancangan yang sesuai untuk mencapai matlamat keharmonian negara.

Adalah dicadangkan ahli-ahli Majlis Perpaduan Negara ini akan mewakili semua golongan masyarakat termasuk parti-parti siasah, Kerajaan-kerajaan Negeri, kumpulan-kumpulan Ugama, ahli-ahli iktisas, kumpulan cerdek pandai, kaum ibu, belia dan sebagainya. Saya percaya dan menaruh penuh keyakinan bahawa Majlis Perpaduan Negara ini apabila tertubuh kelak akan menjalankan tugasnya dengan baik kerana selain dari perbincangan-perbincangan itu, penyelidikan-penyelidikan mengenai perhubungan antara kaum akan juga dijalankan. Penyelidikan-penyelidikan dan

kajian-kajian yang ada kaitan dengan perhubungan antara kaum atau race-relation ini dapat memberikan kita kenyataan-kenyataan tertentu yang boleh menjalankan asas kepada langkah-langkah dan tindakan-tindakan yang patut diambil oleh Kerajaan dari semasa ke semasa bagi mencapai matlamat mengujudkan sebuah negara dan bangsa yang bersatu padu.

Akhirnya, saya sukalah menyeru kepada tuan-tuan dan puan-puan terutama ibubapa sekelian supaya memberikan sepenuh-penuh sokongan kepada Minggu Muhibbah dan Perpaduan di Sekolah-sekolah yang akan berlangsung hingga 2hb April ini.

Terima kasih dan selamat malam.